

19 APR 1998

Mahathir-Syarikat

PM MAHU SYARIKAT KERAJAAN NEGERI TIDAK BERSAING DENGAN SWASTA

JOHOR BAHRU, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan anak-anak syarikat kerajaan negeri supaya persaingan mereka, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, tidak menjejaskan syarikat-syarikat swasta terutama Bumiputera.

Beliau berkata tujuan kerajaan menubuhkan syarikat-syarikat pelaburan ialah untuk membangunkan projek-projek infrastruktur yang tidak mampu dilaksanakan syarikat swasta dan bukannya bersaing dengan mereka dalam projek yang pihak swasta boleh laksanakan.

"Kita berpendapat bahawa pembangunan infrastruktur harus dibuat oleh pihak swasta. Kalau swasta tak mampu maka terpaksa kerajaan ambil alih," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai, dekat sini.

Perdana Menteri, yang mengakhiri lawatan kerja dua harinya ke Johor, ditanya mengenai penubuhan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) oleh kerajaan negeri yang kini dipertanggungjawabkan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur di negeri ini.

Penglibatan KPRJ, yang ditubuhkan pada 1995, dalam pembinaan projek-projek infrastruktur di negeri ini dikatakan telah menjejaskan peluang syarikat-syarikat swasta terutama Bumiputera.

Mengenai banjir rakyat Singapura di negeri ini terutama ketika negara sedang menghadapi kemelesatan ekonomi, Perdana Menteri berkata ia jelas menunjukkan ekonomi Johor tidak terjejas kerana masih ramai rakyat Singapura membeli barangan di sini.

"Hanya yang kita kawatir ialah dengan kedatangan ramainya pembeli dari Singapura, harga akan naik dan penduduk Johor terpaksa membayar lebih," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Singapura juga mendapat faedah berjiran dengan Johor kerana ramai rakyat di negeri ini bekerja di republik itu di samping pelaburan oleh syarikat-syarikat Singapura di Johor.

Beliau turut ditanya mengenai tindakan sesetengah pihak yang sengaja memainkan isu kononnya keadaan ekonomi di negara ini semakin teruk dan hanya menunggu masa untuk meminta pertolongan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Perdana Menteri berkata golongan itu sebenarnya mahu melihat Malaysia meminta bantuan IMF supaya negara ini terpaksa tunduk kepada syarat-syarat dana antarabangsa berkenaan seperti membuka seluas-luasnya pasaran Malaysia kepada negara-negara maju.

-- BERNAMA

RAM MKO NAK